

POLISI PELABUHAN HIJAU PELABUHAN PULAU PINANG

SURUHANJAYA PELABUHAN PULAU PINANG



ISI KANDUNGAN

BUTIRAN	MUKA SURAT
POLISI PELABUHAN HIJAU PELABUHAN PULAU PINANG (PPHPPP)	2
PRINSIP PPHPPP	3
ELEMEN PPHPPP	4
1 PERSEKITARAN	5
> KUALITI UDARA	6
> KUALITI AIR MARIN	7
> KUALITI PENGURUSAN SUMBER	8
> KUALITI PENGURUSAN SISA	9
> KUALITI PENGURUSAN ALAM SEKITAR	10
2 ELEMEN PENGLIBATAN MASYARAKAT	11
3 ELEMEN KEMAMAPANAN	12
KESIMPULAN	13

POLISI PELABUHAN HIJAU PELABUHAN PULAU PINANG (PPHPPP)

Pengangkutan maritim merupakan sektor yang saling berhubungkait dengan alam sekitar samada di darat, air dan udara. Oleh itu, pemantauan ke atas kesan alam sekitar haruslah dititikberatkan oleh semua pemain industri bagi memastikan kelestariannya terus terpelihara untuk generasi akan datang. Malaysia telah menyasarkan pengurangan intensiti pelepasan Gas Rumah Hijau (GRH/GHG) sebanyak 45% menjelang tahun 2030.

Justeru itu, sebagai pihak berkuasa yang berperanan sebagai badan kawalselia pelabuhan, SPPP mempunyai pengawasan ke atas semua operasi dan pembangunan di kawasan perairan dalam had Pelabuhan Pulau Pinang. Ini termasuk memastikan keselamatan bagi pembangunan dan operasi pelabuhan seterusnya memastikan sebarang pembangunan pelabuhan mempunyai kesan minimum kepada alam sekitar. Polisi yang dibangunkan SPPP adalah berdasarkan kepada tiga elemen penting iaitu persekitaran, kemampanan dan penglibatan masyarakat. SPPP juga berharap agar PPHPPP yang dibangunkan ini akan menggalakkan pengusaha pelabuhan, pengguna pelabuhan dan mereka yang terlibat dalam komuniti pelabuhan untuk menjadi lebih kreatif dan inovatif serta mengamalkan operasi perniagaan seharian yang lebih mampan serta menitikberatkan kelestarian alam sekitar.

PPHPPP juga akan berfungsi sebagai panduan untuk membuat keputusan dan mewujudkan satu rangka kerja bagi pembangunan dan operasi pelabuhan yang mesra alam. Adalah menjadi aspirasi SPPP bahawa PPHPPP akan bertindak sebagai pemangkin ke arah operasi dan pembangunan pelabuhan yang lebih mampan di Malaysia.

PRINSIP PPHPPP

Melindungi masyarakat daripada kesan berbahaya kepada alam sekitar hasil daripada operasi pelabuhan

Mengekalkan keseimbangan antara alam sekitar, sosial dan ekonomi bagi setiap perancangan, pembangunan dan operasi pelabuhan

Memupuk kemampanan dalam rangka kerja organisasi dengan memberi tumpuan kepada peningkatan kesedaran dan penggunaan bahan-bahan atau teknologi yang mampan

Menyediakan hala tuju utama pelabuhan ke arah pematuhan alam sekitar dan pemuliharaan

Mencegah pencemaran dan memperbaiki diri, masyarakat dan kesihatan alam sekitar

Penglibatan dan komunikasi dengan masyarakat

Inisiatif penjimatan tenaga, elektrik dan bahan api

ELEMEN PPHPPP



PERSEKITARAN

**PENGLIBATAN
MASYARAKAT**

KEMAMPANAN

ELEMEN

PERSEKITARAN



ELEMEN

PERSEKITARAN | KUALITI UDARA

OBJEKTIF : MENGURANGKAN PELEPASAN UDARA TIDAK SIHAT DARIPADA AKTIVITI PELABUHAN DAN KAPAL

- 1 Pemantauan kepada pematuhan Peraturan Kualiti Alam Sekitar (Udara Bersih) 2014 yang dikeluarkan oleh Jab. Alam Sekitar (JAS).
- 2 Penglibatan agensi kerajaan yang berkaitan untuk memantau bahan pencemar udara dan indeks pencemar udara (IPU).
- 3 Mewujudkan sistem pemantauan kualiti udara bagi mengelak dan mengawal pencemaran dari kenderaan, mesin dan peralatan di terminal.
- 4 Mengawal pelepasan asap / kepulan dan untuk mengurangkan pelepasan gas rumah hijau dari kenderaan, mesin dan peralatan di terminal, manakala kapal adalah tertakluk kepada pematuhan kepada peraturan yang terpakai seperti Notis Perkapalan 20/2011 oleh Jabatan Laut Malaysia.
- 5 Mengesyorkan kepada pihak berkepentingan untuk melabur dalam peralatan kutipan data jejak karbon/*carbon footprint* di kawasan had pelabuhan.
- 6 Melaksanakan larangan merokok di semua premis dalam kawasan pelabuhan.



ELEMEN

PERSEKITARAN | KUALITI AIR MARIN

OBJEKTIF : MELINDUNGI DAN MENINGKATKAN KUALITI AIR MARIN

- 1 Pemantauan efluen secara berkala berdasarkan piawaian yang digariskan dalam Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Efluen Industri) dan Konvensyen Antarabangsa untuk Pencegahan Kapal 1973/78 (MARPOL).
- 2 Melaksana MARCO Plan (Marine Contingency Plan) seperti yang digunapakai di peringkat global bagi mengawal tumpahan minyak.
- 3 Membangunkan prosedur aktiviti pengambilan dan pengisian minyak diesel ke tangki (Skid Tank) dan ke bot-bot malim/tunda dalam ISO 9001:2015 bagi mengelak tumpahan minyak.
- 4 Melaksana Environmental Management Programme (EMP) untuk kerja-kerja pengerukan yang dilakukan di pelabuhan.
- 5 Menjalankan pemeriksaan di semua kemudahan pelabuhan bagi memastikan pematuhan kepada peraturan-peraturan dan menggunakan amalan pengurusan terbaik untuk mengurangkan pencemaran air.



ELEMEN

PERSEKITARAN | KUALITI PENGURUSAN SUMBER

OBJEKTIF : PENGGUNAAN SUMBER BOLEH GUNA DAN TEKNOLOGI YANG BOLEH MENJIMATKAN

- 1 Memantau penggunaan tenaga pelabuan selaras dengan Akta Tenaga Baharu 2011.
- 2 Menggalakkan pengguna, penyewa dan operator pelabuan menggunakan tenaga boleh diperbaharui.
- 3 Menggalakkan penggunaan peralatan yang menjimatkan tenaga untuk mengurangkan penggunaan sumber asli fosil (minyak) seperti penggunaan RTG hybrid, e-RTG dan RTG kelajuan boleh ubah (*smart power RTG*).
- 4 Menggalakkan penggunaan perkakasan jimat elektrik seperti pencahayaan cekap tenaga (LED) di dalam/luar pejabat dan premis pelabuan serta memasang sistem fotovoltaik (PV Solar) sebagai sumber tambahan elektrik.
- 5 Menggalakkan pelaksanaan takungan air hujan untuk menambah bekalan air domestik dalam premis pejabat serta penggunaan pelabuan.



ELEMEN

PERSEKITARAN | KUALITI PENGURUSAN SISA

OBJEKTIF : UNTUK MEMPUNYAI SISTEM PENGURUSAN SISA YANG TERATUR BAGI MENGURANGKAN KESAN KEPADA ALAM SEKITAR DAN KESIHATAN

- 1 Pelaksanaan dan pematuhan kepada Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974, Peraturan-peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Buangan Terjadual) 2005 dan Notis Perkapalan 44/2008 bagi sisa buangan dari kapal.
- 2 Melaksanakan plan pengurusan sisa, termasuk mengenal pasti peluang-peluang untuk mengurangkan jumlah sisa yang dilupuskan.
- 3 Menyediakan kawasan simpanan yang khusus untuk pengasingan, pengumpulan dan kitar semula bahan buangan dengan akses yang baik untuk semua penghuni bangunan dalam kawasan pelabuhan seterusnya memudahkan pengumpulan oleh syarikat-syarikat kitar semula.
- 4 Menggalakkan amalan 3R (Kurangkan, Guna semula, dan Kitar semula) oleh semua pihak yang terlibat.



ELEMEN

PERSEKITARAN | KUALITI PENGURUSAN ALAM SEKITAR

OBJEKTIF : MENGENALPASTI RISIKO DAN PELUANG DARIPADA FAKTOR PERSEKITARAN, EKONOMI DAN SOSIAL

- 1 Melaksanakan Sistem Pengurusan Alam Sekitar (EMS) yang diiktiraf ISO 14001 serta pematuhan dan pelaksanaan Akta Pekerjaan, Keselamatan dan Kesihatan 1994 melalui pensijilan OHSAS 18001 (Sistem Pengurusan Pekerjaan, Kesihatan dan Keselamatan).
- 2 Membangunkan Pelan Tindakan Perubahan Iklim ke dalam cadangan pembangunan pelabuhan untuk pembangunan yang lestari.
- 3 Pelaksanaan transaksi tanpa kertas dengan menggalakkan penggunaan sistem online dalam pengurusan pelabuhan seperti *Terminal Operating System (TOS)* yang terdiri daripada singgahan kapal, pergerakan kargo, *billing, berthing, arrival, gate pass* dan lain-lain lagi.
- 4 Melaksanakan prosedur aduan awam formal bagi membendung pencemaran di sekitar pelabuhan melalui laman web dan emel.
- 5 Mengenal pasti dan bekerjasama dengan pihak-pihak berkepentingan mengenai isu-isu alam sekitar.
- 6 Melaksanakan lanskap hijau di sekitar kawasan pelabuhan.
- 7 Menjalankan kempen/program alam sekitar.



ELEMEN

PENGLIBATAN MASYARAKAT

OBJEKTIF : BERINTERAKSI DAN MENDIDIK MASYARAKAT MENGENAI OPERASI PELABUHAN DAN PROGRAM ALAM SEKITAR



Menyokong program perlindungan alam sekitar.



Mempromosi PPHPPP bagi meningkatkan kesedaran komuniti pelabuhan tentang kepentingan pemuliharaan alam sekitar.



Menggalakkan komuniti pelabuhan untuk melaksanakan inisiatif hijau.

ELEMEN

KEMAMPANAN

OBJEKTIF : MELAKSANAKAN AMALAN MAMPAN DI PELABUHAN




Memastikan keseimbangan antara pembangunan pelabuhan dan alam sekitar.

Pemantauan berterusan terhadap pematuhan perundangan berkaitan alam sekitar.



KESIMPULAN



Polisi Pelabuhan Hijau Pelabuhan Pulau Pinang akan memacu operasi dan pembangunan Pelabuhan Pulau Pinang yang berasaskan etika kemampuan dan tanggungjawab yang lebih besar terhadap alam sekitar dan masyarakat.

A decorative graphic featuring a central dark grey horizontal bar. Above the bar, a tall green rectangle is centered. Below the bar, a shorter green rectangle is on the left, and a tall green rectangle is on the right. A small grey rectangle is positioned below the left green rectangle. The text 'TERIMA KASIH' is centered on the grey bar in white, bold, sans-serif font.

TERIMA KASIH